

Penggerudian air UMS siap sepenuhnya bulan depan

UB 03.02.2024 P.01

KOTA KINABALU:

Penggerudian air tubewell di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dijangka siap sepenuhnya Mac depan.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud, berkata sebanyak enam penggerudian akan dilaksanakan bagi menampung keperluan graduan dan pihak UMS.

“Dari enam penggerudian, tiga darinya setakat ini berjaya menghasilkan sumber air dan proses seterusnya ialah penapisan dan kerja-kerja memasang paip bagi bertujuan menyalurkan air itu ke tangki-tangki yang disediakan di penginapan.

“Bagi memastikan proses berjalan mengikut jadual, kita akan meminta laporan setiap minggu bagi mengetahui tahap kerja yang dilaksanakan.

“Dalam masa yang sama, kita turut menekankan kepada Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) agar dapat menyediakan dan menyalurkan tiga juta liter air sehari.

“Ini untuk kegunaan graduan UMS dan sekitarnya memandangkan sumber dari penggerudian bersifat sementara dan



RASMI: Mustapha (tengah) dan Abdul Razak (dua kanan) ketika melancarkan perasmian majlis berkenaan.

hanya membekalkan air bagi kegunaan pembersihan sahaja, bukan untuk minuman,” katanya.

Beliau ditemui media selepas merasmikan Majlis Penutupan Minggu Transformasi Siswa Sesi II 2023/2024 di Dewan Rafflesia Politeknik Kota Kinabalu, di sini.

Mustapha turut menyeru kepada pelajar agar mengambil berat kepentingan pendidikan bagi mendepani cabaran

hidup pada masa akan datang.

Pada majlis itu, seramai 350 pelajar baharu mendaftar di kolej berkenaan dan akan mengikuti 14 bidang pengkhususan peringkat diploma.

Antaranya Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Pengurusan Resort, Diploma Pengurusan Hotel, Diploma Kejuruteraan Elektronik, Diploma Kejuruteraan

Elektrik dan Elektronik, Diploma Pemasaran dan Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan.

Turut hadir Pengarah Politeknik Kota Kinabalu, Dullah Muluk, Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Kota Kinabalu, Abdul Razak Mohd Daim dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Kota Kinabalu, Ts Saril Yusop.
— Penerangan